

Kefahaman tentang Ihdad di Kalangan Wanita Muslim Bandar Dungun

Syh Noorul Madihah Syed Husin

ABSTRACT

Ihdad (mourning among the widow) is a part of family matters that has been ignored by muslim society as well as their scholars. Even though the practice of ihdad concerns only the widow, yet the understanding and awareness of it is also important to married women in preparation to face their husband's death. Therefore, this article discusses the rules which relate to ihdad among muslim women as well as the understanding of the community on this matter. The article written is aimed to identify the understanding of muslim women regarding three main issues interrelated to ihdad: understanding of the hukum the period of time given, and things that are prohibited during ihdad. In collecting data, a questionnaire was distributed to 364 muslim women from Dungun, Terengganu by stratified random sampling. This constituted the sample of the study. The study has shown that the majority of the respondents understand the hukum of ihdad (54.9 percent) and the period of ihdad (53.6 percent). Nevertheless, it is ironic that percentage of those who do not understand the hukum and period of ihdad is almost the same. Meanwhile the understanding of the prohibitions is at a high level. Besides that, the results also revealed that the level of understanding is not significantly related to demographic factor, specifically, a person's educational streaming.

Keywords: Ihdad, Muslim women mourning

Pendahuluan

Sebagai sebuah agama yang mementingkan masalah kehidupan manusia (Al-Jawziyyah 1990, 3: 1-2), Islam telah menetapkan hukum-hukum tertentu bagi wanita kematian suami. Mereka dikenakan berihdad iaitu meninggalkan sebarang perhiasan, bau-bauan yang harum dan beberapa larangan lain selama empat bulan sepuluh hari, untuk memberi ruang waktu bagi memulih emosi setelah suaminya meninggal dunia (Al-Asqalani 2001, 9: 540).

Perbincangan mengenai ihdad merupakan satu topik kecil dalam penulisan disiplin ilmu fiqh, yang kebiasaannya terkandung dalam bab talak dan iddah wanita. Ianya telah dimulakan oleh ulama silam dalam mendokong aliran mazhab masing-masing seperti al-Syirazi (1999), Ibn Qudamah (1999), al-Mawardi (1999), al-Kasani (2000), al-Khatib al-Syirbini (1994) dan al-Dardir (t.th.).

Merujuk kepada kitab-kitab tersebut, perbahasan mengenainya boleh didapati dalam dua bentuk iaitu secara terperinci dengan menjadikannya sebagai satu bab kecil yang khusus di dalam bab talak dan iddah, atau hanya sebagai sisipan daripada perbahasan tentang iddah wanita. Selain daripada penulisan fiqh, isu ihdad turut disentuh oleh ulama tafsir dan hadith apabila membicarakan tentang ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang berkaitan dengan ihdad. Antara penulisan yang dimaksudkan adalah seperti al-Qurtubi (2002) dan Ibn Kathir (773H) dalam kitab tafsir dan Imam Malik (2002), al-Asqalani (2001) serta al-Syawkani (1996) dalam kitab hadith. Ulasan mengenai ihdad di dalam kitab-kitab fiqh, tafsir dan hadith seperti ini adalah secara deskriptif dengan membentangkan hukum-hukum yang berkaitan dengan ihdad berdasarkan al-Quran dan hadith, tanpa menyentuh realiti kefahaman dan pengetahuan wanita terhadap isu tersebut.

Seterusnya, perbahasan ini telah disambung oleh sarjana Islam kontemporari dalam bidang fiqh seperti Abd al-Karim Zaydan (1993), al-Zuhayli (1997) dan Mustafa al-Bugha *et al.* (1998). Karya-karya moden ini turut mengulang apa yang telah ditulis oleh ulama silam iaitu secara teori dengan tambahan susunan fakta yang lebih teratur melalui penyusunan bab yang lebih sistematik. Persoalan ihdad ini juga sering ditimbulkan oleh masyarakat awam dan kupasannya telah dikumpul dalam himpunan-himpunan fatwa semasa seperti Majd Ahmad Maki (2001), Yusuf al-Qaradawi (1998) dan Muhammad Mutawalli al-Sya'rawi (1999). Selain daripada karya-karya yang menyentuh isu ihdad secara sisipan dari satu perbahasan besar dalam sesebuah buku seperti karya-karya di atas, terdapat sebuah penulisan yang hanya memfokuskan kepada isu ihdad semata-mata yang dikarang oleh Khalid Ibn Abd Allah al-Muslih (1995). Namun, penulisan ini masih tertumpu kepada perbahasan secara teori.

Berdasarkan sorotan kajian terdahulu, kekurangan tumpuan dalam bidang ini secara khusus memberi justifikasi kukuh mengapa kajian ini harus dilakukan. Ini kerana kekurangan tumpuan dalam hal ini, boleh mempengaruhi tahap kefahaman masyarakat umumnya, dan golongan wanita khususnya, terhadap apa yang perlu mereka lalui setelah kematian suami. Kefahaman ini amat penting kerana setiap wanita yang berumahtangga pasti akan berhadapan dengan isu ihdad pada bila-bila masa, sekiranya kehidupan rumahtangga mereka berakhir

dengan kematian suami. Oleh itu, penulisan ini akan lebih tertumpu kepada kajian khusus tentang hukum ihdad dan merupakan kajian lapangan yang akan memperlihatkan realiti sebenar tahap kefahaman masyarakat terhadap ihdad, bukan sekadar teori seperti yang telah diperbahaskan oleh penulis-penulis sebelum ini.

Hasil daripada sorotan kajian, artikel ini akan mengupas teori-teori asas berkenaan ihdad pada bahagian pertama. Pada bahagian seterusnya, dengan menggunakan metod kajian lapangan, sekumpulan komuniti wanita muslim dari bandar Dungun telah dijadikan sampel. Pada pengamatan penulis sampel ini telah memenuhi keperluan kajian iaitu terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari latar pendidikan yang berbeza. Ini ditambah lagi dengan taburan peratus wanita muslim yang tinggi berbanding dengan bukan muslim. Segala data-data berkaitan tahap kefahaman mereka dikumpul melalui kaedah soal selidik dan dianalisa dengan bantuan pakej komputer program SPSS (Software Package For Sosial Science).

Takrif Ihdad

Ihdad adalah satu perkataan bahasa Arab yang berasal dari kata kerja [أَحَدٌ - يُحَدُّ - إِحْدَادًا] yang membawa erti امتناع (Mahmud Abd al-Rahman 1999, jil. 1: 79), iaitu penahanan atau keengganan. Selain daripada perkataan ini, perkataan *hidad* juga sering digunakan untuk menjelaskan pengertian yang sama. Ia berasal dari kata kerja [حَدَّ - يَحْدُّ - حَدَادًا] (Ahmad al-Ayid, Ahmad Mukhtar & al-Jailani Ibn Yahya 1989, 297), iaitu pakaian yang dipakai oleh seseorang yang sedang berdukacita bagi melambangkan kesedihannya (Ibrahim Anis, Abd al-Halim Muntasir, Atiyyah al-Sawalihiyy & Muhammad Khalf Allah Ahmad 1972, jil. 1: 182), dan pada kebiasaannya ia berwarna hitam (Yusuf Syukri Farahat 2001, 118).

Dari segi istilah, ihdad ialah satu penegahan syara' terhadap wanita yang kematian suami daripada sebarang perhiasan diri dan perkara yang seumpama dengannya, yang boleh membawa kepada keinginan seseorang lelaki ajnabi untuk melamarnya sebagai isteri dalam tempoh dan keadaan tertentu (Al-Hajawi t.th., jil. 1: 319; Al-Nawawi 1992, 6: 382; Ibn al-Hummam t.th., 4: 339).

Hukum dan Tempoh Berihdad

Ulama telah bersepakat mengatakan hukum berihdad bagi wanita yang kematian suami adalah wajib (Ibn Qudamah 1999, 11: 284; Al-Syirazi 1999, 2: 210) melainkan pandangan al-Hasan al-Basri dan al-Sya'bi yang mengatakan sebaliknya. Namun pegangan mereka menyalahi pandangan ahli ilmu dan sunnah (al-Mawardi 1999, 11: 273). Tempoh berihdad ialah selama empat

bulan sepuluh hari (Al-Sabuni 1999, jil. 1: 234). Namun tempoh ini hanya khusus untuk wanita yang tidak mengandung ketika suaminya meninggal (Ibn al-Mundhir 1402H, 86). Bagi wanita yang hamil ketika suaminya meninggal, majoriti ulama fiqh menyatakan tempohnya berakhir setelah bersalin, dan ada yang berpendapat tempoh yang paling minimum di antara dua tempoh tersebut (Al-Muslih 1995, 49).

Antara dalil-dalil yang menjadi asas dalam memperkatakan kewajipan ihdad adalah seperti berikut:

1. Al-Quran

Al-Quran telah memperkatakan tentang kewajipan ihdad dalam surah al-Baqarah ayat 234.

وَالَّذِينَ يُتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ
أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا فَإِذَا بَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا
فَعَلْنَ فِي أَنْفُسِهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٣٤﴾

Maksudnya:

Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri, hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (beriddah) selama empat bulan sepuluh hari. Kemudian apabila telah habis masa iddahnya itu, maka tidak ada salahnya bagi kamu mengenai apa yang dilakukan mereka pada dirinya menurut cara yang baik (yang diluluskan oleh syara'). Dan (ingatlah), Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa jua yang kamu lakukan.

(al-Baqarah: 234)

Al-Qurtubi telah menegaskan lafaz [يتربصن] dalam ayat di atas telah diperjelaskan maksudnya oleh hadith-hadith Rasulullah s.a.w sebagai satu kewajipan berihdad (Al-Qurtubi 2002, 3: 151). Ada juga di kalangan ulama yang mengatakan kewajipan tersebut berdasarkan pada akhir ayat tersebut iaitu [فإذا بلغن أجلهن فلا جناح عليكم فيما فعلن في أنفسهن بالمعروف] (Ibn Kathir 1998, jil. 1: 326-327). Ia menjelaskan apabila berakhir tempoh iddah, maka wali perempuan tidak akan dipersoalkan sekiranya wanita itu melakukan perkara-perkara larangan sepanjang tempoh tersebut. Larangan yang dimaksudkan ialah larangan berhias dan berwangian. Dengan kata lain, sepanjang tempoh iddah, mereka diwajibkan berihdad iaitu meninggalkan sebarang bentuk perhiasan dan wangian (Al-Sabuni 1999, jil. 1: 259).

2. Hadith

Antara hadith yang menerangkan tentang kewajipan berihdad terhadap wanita kematian suami ialah:

قَالَتْ زَيْنَبُ: فَدَخَلْتُ عَلَى زَيْنَبَ بِنْتِ جَحْشٍ حِينَ تُوْفِي أَخُوَهَا،
فَدَعَتْ بَطِيبَ فَمَسَّتْ مِنْهُ ثُمَّ قَالَتْ: أَمَا وَاللَّهِ مَا لِي بِالطِّيبِ مِنْ حَاجَةٍ
غَيْرِ أَنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ عَلَى الْمَنْبَرِ: "لَا
يَحِلُّ لِمَرْأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تُحَدَّ عَلَى مَيِّتٍ فَوْقَ ثَلَاثِ
لَيَالٍ، إِلَّا عَلَى زَوْجٍ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا."

Maksudnya:

Berkata Zainab, Aku telah masuk ke (rumah) Zainab binti Jahsy ketika saudaranya meninggal dunia, lalu dia meminta wangi-wangian, kemudian diusapkannya lalu berkata: Demi Allah aku tidak memerlukan wangi-wangian ini melainkan kerana aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda di atas mimbar, "Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari Qiamat, berkabung terhadap kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali terhadap suaminya, iaitu selama empat bulan sepuluh hari."

(Muslim, t.th., no. 1487, 2: 1124)

Dalam menerangkan hadith ini, al-Nawawi telah menyatakan seorang wanita yang berihdad dengan sebab kematian suami diwajibkan berihdad, dan ia merupakan persepakatan ulama (al-Nawawi 2001, 10: 100). Walaupun zahir hadith menunjukkan seorang wanita tidak dibenarkan berihdad melebihi tiga hari apabila berlaku sebarang kematian kaum keluarganya, namun larangan tersebut dikecualikan bagi mereka yang kematian suami. Bahkan mereka diwajibkan berihdad sepertimana yang terkandung di dalam hadith-hadith Rasulullah s.a.w yang lain. Baginda melarang keras perbuatan-perbuatan wanita kematian suami yang melanggar amalan berihdad seperti berhias, berwangi-wangian, bercelak dan sebagainya (al-Bukhari 1987, 5: 2042; Muslim t.th., 2: 1124).

3. Ijma'

Telah diriwayatkan daripada sekumpulan sahabat Rasulullah s.a.w, yang terdiri daripada Abdullah Ibn Umar, Aisyah, Ummu Salamah dan selainnya bahawa mereka telah bersepakat mengatakan hukum berihdad bagi wanita yang kematian

suami adalah wajib. Pandangan ini juga disokong oleh kaum salaf (Al-Kasani 2000, 3: 331).

Larangan-Larangan dalam Tempoh Ihdad

Islam telah menggariskan beberapa larangan tertentu bagi isteri yang sedang berada dalam tempoh ihdad. Ia termasuk:

Memakai bau-bauan (al-tib)

Al-tib bermaksud sesuatu yang mendatangkan bau enak daripada bau-bauan yang harum (Muhammad Rawas Qal'ah Ji 2001, 593). Mereka yang berihdad diharamkan menggunakan sesuatu yang boleh mendatangkan bau harum sama ada digunakan pada badan atau pakaian (al-Husayni t.th., 2: 568), kerana ia boleh membangkitkan nafsu shahwat yang akan membawa kepada hubungan luar batas (al-Syirazi 1999, 2: 211). Antara jenis wangian yang diharamkan adalah seperti minyak wangi (al-adhan al-mutibah) termasuklah minyak wangi *al-ward*, *al-banafsaj*, *al-yasamin* dan *al-ban* (Ibn Qudamah 1999, 11: 286), minyak rambut yang berbau harum (al-Syirazi 1999, 2: 211) dan pakaian yang dicelup dengan bahan pewangi seperti *al-'usfur* dan *al-za'faran* (al-Kasani 2000, 3: 330).

Larangan berwangi-wangian ini berdasarkan beberapa hadith, antaranya:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ، نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَا تَمَسَّ طِيْبًا إِلَّا أَدْنَى
طُهْرَهَا إِذَا طُهِّرَتْ نُبْدَةً مِنْ قُسْطٍ وَأَظْفَارٍ.

Maksudnya:

Daripada Ummu Atiyyah dia berkata, Nabi s.a.w pernah melarang (kepada wanita yang sedang berihdad) daripada memakai wangi-wangian kecuali apabila hampir bersuci (dengan menggunakan) sedikit *qust* dan *azfar*.

(Al-Bukhari 1987, no. 5028, 5: 2043)

Mengenakan perhiasan (al-zinah)

Terdapat tiga bentuk perhiasan yang dilarang, iaitu:

1. Perhiasan diri (zinah al-badn)

Perhiasan diri yang dimaksudkan di sini merangkumi mewarnakan badan dan bercelak. Antara bentuk pewarnaan badan (al-khidab) ialah apa-apa yang biasa dikenakan pada wajah seorang wanita sama ada dengan inai (al-Muslih 1995, 70) atau bahan pewarna lain yang boleh mencantikkan wajah seperti memerahkannya dengan pewarna kalkalun, memutihkannya dengan asfidaj dan

menguningkan dengan *sabir* (Ibn Qudamah 1999, 11: 286). Mereka juga dilarang melukis corak pada wajah dan kedua tangannya, mencukur bulu pada wajah dan segala bentuk perbuatan yang bertujuan menghiaskan wajah atau badan (Zaydan 1993, 9: 287). Golongan ini juga dilarang bercelak kerana ia merupakan sejenis perhiasan diri yang boleh membangkit syahwat seorang lelaki (Ibn Qudamah 1999, 11: 287). Antara hadith yang melarang perhiasan diri ketika dalam tempoh ihdad:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْمُتَوَفَّى عَنْهَا زَوْجُهَا
لَا تَلْبَسِ الْمُعْصِفِرَ مِنَ الثِّيَابِ، وَلَا الْمُمَشَّقَةَ، وَلَا الْحُلِيَّ، وَلَا
تَحْتَضِبُ، وَلَا تَكْتَحِلُ.

Maksudnya:

Daripada Ummu Salamah, daripada Nabi s.a.w bersabda, “Wanita yang kematian suaminya tidak boleh memakai baju berwarna, baju yang dicelup warna merah, barang kemas, mewarnakan badan dan memakai celak.”

(Al-Nasa’i 1986, no. 3535, 6: 203)

2. Pemakaian menarik perhatian (zinah al-thawb)

Ulama telah bersepakat mengatakan setiap wanita yang sedang berihdad diharamkan daripada memakai sesuatu pakaian yang mempunyai daya penarik yang tersendiri (Ibn al-Mundhir 1402H, 98). Ini bersandarkan kepada hadith sahih yang berbunyi:

عَنْ أُمِّ عَطِيَّةَ قَالَتْ: قَالَ لِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: " لَا يَحِلُّ
لِامْرَأَةٍ تُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ أَنْ تُحَدِّثَ فَوْقَ ثَلَاثِ إِلَّا عَلَى زَوْجٍ،
فَإِنَّهَا لَا تَكْتَحِلُ، وَلَا تَلْبَسُ ثَوْبًا مَصْبُوغًا، إِلَّا تَوْبَ عَصَبٍ ."

Maksudnya:

Daripada Ummu Atiyyah, dia berkata, telah berkata kepadaku Nabi s.a.w., “Tidak halal bagi seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari Qiamat, berkabung terhadap kematian seseorang lebih dari tiga hari, kecuali terhadap suaminya, maka dia tidak boleh bercelak dan memakai baju yang dicelup dengan bahan pewarna melainkan kain ‘*asb* (kain genggang).”

(Al-Bukhari 1987, no. 5028, 5: 2043)

Dalam hadith ini, wanita berihdad dilarang memakai pakaian yang dicelup dengan warna-warna yang menarik semata-mata untuk menzahirkan kecantikan

seperti *al-mu'asfar* (pakaian yang dicelup daripada 'usfur) dan *al-muza'far* (pakaian yang dicelup daripada za'faran). Bagi pakaian yang dicelup dengan bahan pewarna yang bukan bertujuan untuk menzahirkan kecantikan seperti warna celak, hijau keruh, hitam atau pakaian yang dicelup dengan sesuatu bahan bagi menghilangkan kekotoran pada pakaian tersebut atau bertujuan untuk menghodokkannya, maka ia adalah diharuskan (Ibn al-Hummam t.th., 4: 340; al-Azhari t.th., jil.1: 389; al-Syirbini 1994, 5: 101).

3. Barangan kemas (al-huli)

Pemakaian barangan kemas sepanjang tempoh ihdad adalah satu bentuk perhiasan wanita yang dilarang oleh majoriti ulama fiqh (Ibn Qudamah 1999, 11: 289) kerana ia akan menambahkan lagi seri dan kecantikan seseorang wanita (al-Syirazi 1999, 2: 211). Pekara ini berhujahkan sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: " الْمُتَوَفَّى عَنْهَا
زَوْجُهَا لَا تَلْبَسِ الْمُعْصَفَرَ مِنَ الثِّيَابِ ، وَلَا الْمُمَشَّقَةَ ، وَلَا الْحُلِيَّ ... "

Maksudnya:

Daripada Ummu Salamah, daripada Nabi s.a.w bersabda, "Wanita yang kematian suaminya tidak boleh memakai baju berwarna, baju yang dicelup warna merah dan barang kemas."

(Abu Daud t.th., no. 2304, 2: 292)

Antara barangan kemas yang dimaksudkan ialah gelang tangan, gelang kaki, cincin dan sebagainya yang diperbuat daripada emas dan perak (al-Nawawi 1992, 10: 383). Selain itu, permata lu'lu' juga dilarang kerana ia melambangkan perhiasan wanita (al-Khatib al-Syirbini 1994, 5: 101). Bagi barangan kemas buatan tembaga dan timah, hanya diharamkan sekiranya ia benar-benar menyerupai barangan kemas emas dan perak, malah sukar dibezakan antara satu sama lain. Namun sekiranya ia dapat dibezakan, maka hukumnya bergantung kepada adat setempat. Masyarakat yang menganggap ia sebagai satu bentuk barangan kemas wanita, hukumnya adalah haram, dan begitulah sebaliknya (al-Mawardi 1999, 11: 282).

Menjalinkan ikatan peminangan dan perkahwinan

Seseorang lelaki dilarang daripada meminang seorang wanita yang sedang berihdad secara berterus terang (sarahah). Namun meminang dengan cara kiasan (ta'rid) adalah diharuskan (Abu Malik Kamal 2000, 385) berdasarkan ayat al-Quran yang berbunyi:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ ... ﴿٢٣٥﴾

Maksudnya:

Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam iddah).

(al-Baqarah: 235)

Selain itu, wanita dalam tempoh iddah juga dilarang melangsungkan akad nikah dengan mana-mana lelaki. Perkara ini telah diijma'kan oleh ulama (al-Zuhayli 1997, 9: 7198) dan disebut dengan jelas dalam al-Quran:

وَلَا تَعْرَمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّىٰ يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ ... ﴿٢٣٥﴾

Maksudnya:

Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) akad nikah sebelum habis iddah yang ditetapkan itu.

(al-Baqarah: 235)

Keluar rumah

Ulama empat mazhab utama bersepakat mengatakan wanita beriddah diwajibkan menetap di rumah suaminya sepanjang tempoh iddah dan dilarang daripada meninggalkan rumah tersebut (Ibn Qudamah 1999, 11: 290; al-Khatib t.th., 2: 192; Ibn al-Hummam t.th., 4: 343; al-Azhari t.th., jil. 1: 391) berdasarkan firman Allah s.w.t.:

لَا تُخْرِجُوهُنَّ مِنْ بُيُوتِهِنَّ وَلَا تَخْرُجْنَ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ
بِفَحِشَةٍ مُّبَيِّنَةٍ ... ﴿١﴾

Maksudnya:

Janganlah kamu mengeluarkan mereka dari rumah-rumah kediamannya (sehingga selesai iddahannya), dan janganlah pula (dibenarkan) mereka keluar (dari situ), kecuali (jika) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata.

(al-Talaq: 1)

Walaupun ayat di atas menyentuh larangan keluar rumah untuk wanita beriddah kerana talak, namun hukumnya turut dipakai bagi wanita yang beriddah dengan sebab kematian suami (al-Syafi'i 1973, 5: 231). Abu Daud dan Nasa'i pernah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memperingatkan Furai'ah binti Malik supaya tidak meninggalkan rumah setelah beliau meminta

pandangan baginda tentang hasratnya untuk pulang ke rumah keluarganya setelah suaminya meninggal dunia (Abu Daud t.th., 2: 291).

Namun sebahagian ulama telah memberi kelonggaran untuk keluar rumah apabila seseorang wanita itu benar-benar berhajat kepadanya (al-Husayni t.th., 10: 282). Dia diharuskan berpindah dari rumah suaminya ke satu tempat baru yang dikira selamat bagi diri dan hartanya seperti apabila diserang musuh atau dihalau oleh tuan rumah (Wazarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah 1983, 2: 110). Selain itu, dia juga diharuskan keluar pada siang hari untuk membeli makanan dan keperluan lain dengan syarat keperluan itu benar-benar dihajatnya (al-Malbary 2008, 3: 532).

Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang kefahaman wanita muslim bandar Dungun terhadap ihdad. Skop kefahaman adalah merangkumi tiga perkara iaitu hukum, tempoh dan larangan-larangan yang dikenakan kepada wanita yang sedang berihdad. Wanita yang dimaksudkan pula ialah mereka yang berumur 21 tahun ke atas kerana pada anggapan penulis, pada usia ini wanita akan mula memikirkan untuk memasuki alam perkahwinan, maka sewajarnya mereka perlu menguasai ilmu berkaitan soal fiqh munakahat, termasuklah soal ihdad. Bagi tujuan tersebut, data telah dikumpul melalui soal selidik yang dijalankan dari 20hb Mac hingga 11hb April 2007.

Persampelan

Sampel merupakan wanita muslim yang berumur 21 tahun ke atas dan menetap di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sura. Mereka dipilih dari kawasan DUN Sura kerana persempadanan DUN ini berada di tengah-tengah bandar Dungun. Jumlah keseluruhan populasi berdasarkan senarai daftar pemilih SPR adalah seramai 7,303 orang daripada jumlah keseluruhan pendaftar di DUN Sura yang berjumlah 14,631 orang (Daftar Pemilih SPR sehingga akhir tahun 2005). Daripada jumlah populasi ini, berdasarkan jadual penentuan saiz sampel yang telah disusun oleh Krejcie dan Morgan (Chua Yan Piaw 2006, 186), seramai 364 orang telah diambil sebagai sampel dengan menggunakan prosuder persampelan rawak berlapis / berstrata (stratified random sampling) (Che Noraini 2005, 6) mengikut peratus populasi bagi sesebuah kawasan. Kawasan DUN Sura telah dipecahkan kepada 10 kawasan kecil mengikut lokaliti-lokaliti yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) (Laman Adun Sura: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu 2007). Pemilihan sampel adalah berdasarkan proporsinya dalam populasi bagi setiap kawasan seperti dalam jadual di bawah.

Jadual 1: Jumlah sampel kajian mengikut kawasan

Kawasan	Jumlah Populasi	Proporsi Dalam Populasi (%)	Jumlah Sampel Diambil
1. Sungai Pegaga	328	4	15
2. Sungai Buaya	691	9	33
3. Kg. Nibong	923	13	47
4. Bukit Chatak	1,440	20	73
5. Alor Tembesu	542	7	25
6. Kg. Molek	652	9	33
7. Tanah Lot	623	9	33
8. Teluk Lipat	423	6	22
9. Sura Gate	496	7	25
10. Sura Utara	1,174	16	58
Jumlah	7,303	100	364

Pengukuran

Kefahaman tentang hukum dan tempoh ihdad diukur dengan menggunakan soalan aneka pilihan yang mana hanya satu jawapan adalah benar. Mereka yang memilih jawapan betul, dikategorikan sebagai 'faham', dan bagi jawapan selainnya sebagai 'tidak faham'. Skala Thurstone yang dibina oleh Louis Thurstone (Chua Yan Piaw 2006, 240) pula digunakan bagi mengukur kefahaman tentang larangan-larangan ketika berihdad. 12 item telah diuji bagi mengukur tahap kefahaman terhadap larangan-larangan tersebut. Pungutan skor responden dikelaskan kepada empat tahap kefahaman iaitu tahap kefahaman rendah (skor 0-2), sederhana rendah (skor 3-5), sederhana tinggi (skor 6-8) dan tinggi (skor 9-12).

Analisis Data

Kaedah statistik deskriptif telah digunakan bagi menghuraikan kefahaman responden tentang hukum, tempoh dan larangan-larangan sepanjang tempoh ihdad. Ujian Khi Kuasa Dua Pearson pula dilakukan bagi menganalisis perhubungan di antara kefahaman responden dan demografi.

Demografi Responden

Daripada Jadual 2 di bawah, didapati majoriti responden terdiri daripada wanita bekerja yang sudah berkahwin, yang berumur di antara 21-30 tahun dan

mendapat pendidikan tertinggi hanya pada peringkat menengah. Kebanyakan responden juga adalah dari aliran bukan agama.

Jadual 2: Taburan maklumat demografi responden

Demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Umur		
21-30	151	41.5
31-40	78	21.4
41-50	73	20.1
51-60	42	11.5
61 ke atas	20	5.5
Jumlah	364	100
Status Perkahwinan		
Bujang	137	37.6
Berkahwin	184	50.5
Janda (telah bercerai)	14	3.8
Balu (kematian suami)	29	8.0
Jumlah	364	100
Status Pekerjaan		
Masih Belajar	63	17.3
Bekerja	165	45.3
Tidak Bekerja	136	37.4
Jumlah	364	100
Taraf Pendidikan Tertinggi		
Pendidikan Tidak Formal	16	4.4
Sekolah Rendah	53	14.6
Sekolah Menengah	185	50.8
Diploma	47	12.9
Ijazah Sarjana Muda (B.A)	54	14.8
Ijazah Sarjana (M.A)	8	2.2
Ph.D	1	0.3
Jumlah	364	100
Aliran Pendidikan		
Aliran Bukan Agama	261	71.7
Aliran Agama	103	28.3
Jumlah	364	100

Kefahaman tentang Hukum Ihdad

Jadual 3 menunjukkan 54 peratus daripada jumlah responden telah memahami hukum ihdad sebagai satu suruhan wajib, manakala 45.1 peratus masih tidak faham hukumnya yang sebenar. Ini menunjukkan walaupun majoriti responden telah memahami tentang hukum ihdad, namun masih terdapat ramai lagi di kalangan mereka yang salah faham terhadap hukum tersebut.

Jadual 3: Kefahaman responden tentang hukum ihdad

Hukum Ihdad	Kekerapan	Peratus (%)	Status Kefahaman
Wajib	200	54.9	Faham: 200 (54.9%)
Sunat	108	29.7	
Makruh	6	1.6	Tidak faham:
Haram	2	0.5	164 (45.1%)
Harus	48	13.2	
Jumlah:	364	100	

Ini terbukti apabila 164 orang responden tidak memahami akan kewajibannya. Walaupun jumlahnya adalah lebih kecil berbanding jumlah mereka yang faham, namun ia merupakan satu bilangan yang besar iaitu lebih 1/3 daripada jumlah keseluruhan responden. Daripada jumlah tersebut, majoriti menyatakan hukumnya adalah sunat iaitu seramai 108 orang dan 48 orang menyatakan harus. Bahkan ada yang menyatakan wanita muslim tidak boleh berihdad kerana ia merupakan satu perkara makruh (6 orang responden) atau haram (2 orang responden). Dapatan ini secara keseluruhannya menggambarkan masih ramai responden yang kurang mengambil cakna terhadap ilmu berkaitan ihdad, kerana mereka masih tidak faham perkara asas dalam ilmu tersebut iaitu tentang hukumnya.

Kefahaman tentang Tempoh Ihdad

Kefahaman responden tentang tempoh ihdad dapat dilihat dalam jadual 4.

Jadual 4: Kefahaman responden tentang tempoh ihdad

Tempoh	Kekerapan	Peratus (%)	Status Kefahaman
4 bulan 10 hari	195	53.6	Faham: 195 (53.6%)
3 bulan	25	6.9	
3 kali suci	76	20.9	Tidak faham:
4 bulan	28	7.7	169 (46.4%)
100 hari	40	11	
Jumlah:	364	100	

Sebanyak 53.6 peratus responden telah memahami tempohnya yang sebenar iaitu 4 bulan 10 hari. Adapun 46.4 peratus telah memberi jawapan yang salah di mana 25 orang daripadanya menyatakan selama 3 bulan, 76 orang berpendapat selama 3 kali suci, 28 orang menyatakan selama 4 bulan dan 40 orang pula menyatakan selama 100 hari. Data ini menunjukkan hampir 50 peratus responden masih tidak faham tentang perkara ini.

Kefahaman tentang Larangan-larangan Sepanjang Tempoh Ihdad

Hasil kajian mendapati tahap kefahaman responden terhadap beberapa bentuk larangan agak memuaskan. Berdasarkan Jadual 5, peratus mereka yang faham tentang larangan mengadakan ikatan pertunangan dan perkahwinan (no.5), larangan keluar rumah (no.6) dan larangan memakai pakaian menarik perhatian (no.3) telah melebihi 75 peratus. 92.6 peratus mengakui wanita yang berihdad tidak dibenarkan berkahwin dan 86.5 peratus pula menafikan wanita berkenaan boleh dipinang dengan apa cara sekalipun. Penulis berpandangan keadaan ini adalah kerana larangan tersebut telah diketahui umum oleh masyarakat muslim Malaysia.

Jadual 5: Kefahaman responden tentang larangan sepanjang tempoh ihdad

No.	Bentuk Larangan	Item Yang Diuji	Faham (%)	Tidak Faham (%)
1.	Berwangian	i) Haram pakai minyak wangi dan minyak 'atar'	58.5	41.5
		ii) Dilarang berwangian pada badan, rambut dan pakaian	56.9	43.1
2.	Berhias	i) Tidak boleh pakai celak dan alat <i>make-up</i>	76.4	23.6
		ii) Dilarang berhias diri di dalam dan luar rumah	36.5	63.5
3.	Memakai Pakaian Menarik	i) Tidak boleh memakai pakaian yang menarik perhatian	75.0	25.0
		ii) Tidak semestinya berpakaian gelap atau hitam	78.0	22.0
4.	Memakai Barangan Kemas	i) Dilarang memakai sebarang barangan kemas	64.6	35.4
		ii) Dilarang memakai perhiasan emas dan perak	50.5	49.5
5.	Bertunang & Berkahwin	i) Tidak boleh berkahwin	92.6	7.4
		ii) Tidak boleh dipinang	86.5	13.5
6.	Keluar Rumah	i) Dilarang keluar rumah kecuali ada perkara mustahak	82.1	17.9
		ii) Boleh keluar ketika terpaksa seperti untuk membeli makanan	89.3	10.7

Bagi larangan keluar rumah, 82.1 peratus responden telah memahami bahawa antara kewajipan wanita yang berihdad adalah berada di rumah setiap masa. Namun kefahaman mereka ini bukan bermakna wanita berihdad tidak boleh langsung keluar dari rumah dengan apa-apa alasan. Ia dibuktikan apabila


89.3 peratus menyatakan mereka berkenaan diizinkan keluar rumah apabila berada dalam keadaan darurat. Jadual 5 turut memperlihatkan tahap kefahaman responden terhadap larangan memakai pakaian yang menarik perhatian agak memuaskan.

Tahap kefahaman responden tentang larangan berwangian (no.1) dan memakai barangan kemas (no.4) tidak setinggi kefahaman larangan mengadakan ikatan pertunangan dan perkahwinan (no.5). Sebagai contoh, peratus responden yang memahami dan yang tidak memahami tentang larangan memakai perhiasan emas dan perak agak serata apabila hanya 1 peratus sahaja yang membezakan peratusan responden yang faham dengan yang sebaliknya.

Jika dilihat pada larangan berhias (no.2) pula, terdapat pertentangan di antara dapatan bagi item i dan ii. Sebanyak 76.4 peratus responden telah mengakui bahawa pemakaian celak dan alat make-up adalah dilarang. Ini menggambarkan kebanyakan responden faham bahawa sepanjang berihdad, seseorang wanita tidak boleh berhias. Namun, jika dilihat dapatan bagi item kedua pula, hanya 36.5 peratus responden sahaja yang bersetuju bahawa larangan tersebut bukan sahaja dilarang ketika berada di luar rumah, malah juga ketika berada di dalam rumah. Dapatan ini jelas menunjukkan tahap kefahaman responden tentangnya masih rendah dan sekaligus menafikan tahap kefahaman bagi item pertama. Apa yang dapat diperkatakan di sini, salah faham telah berlaku di kalangan sebahagian responden terhadap konsep larangan berhias kerana larangan yang mereka maksudkan hanyalah ketika berada di luar rumah sahaja. Sedangkan dalam Islam larangan tersebut tidak mengira tempat dan masa.

Bagi melihat lebih jelas kefahaman responden terhadap kesemua larangan yang dibincangkan, berasaskan dapatan kajian bagi setiap bentuk larangan, kefahaman mereka diukur secara keseluruhan bagi menggambarkan tahap kefahaman secara menyeluruh. Setiap item diberi skor 0 bagi yang tidak memahami larangan bagi item tersebut, dan diberi skor 1 bagi mereka yang faham. Jumlah pungutan skor minimum adalah 0 yang menandakan responden tidak memahami langsung terhadap kesemua larangan dan pungutan skor maksimum pula ialah 12 yang menandakan responden benar-benar faham tentang kesemuanya. Berdasarkan rajah 1, didapati skor minimum yang diperolehi oleh responden adalah 3 dan hanya terdapat seorang sahaja responden yang mendapat skor tersebut, manakala skor maksimum adalah skor penuh iaitu 12 dan kekerapannya adalah seramai 6 orang.

Rajah 1: Taburan pungutan skor kefahaman responden tentang larangan-larangan sepanjang tempoh ihdad



Rajah ini juga menunjukkan mod skor yang dikumpul oleh responden ialah 9 di mana kekerapannya seramai 88 orang dan skor min yang dikumpul oleh responden ialah 8.46, di mana mediannya adalah 9. Ini menggambarkan kefahaman responden terhadap larangan-larangan sepanjang tempoh ihdad secara puratanya adalah lebih cenderung kepada kefahaman yang memuaskan.

Dapatan ini diperkukuhkan lagi, apabila jadual 6 menunjukkan majoriti responden (53.3 peratus) berada dalam tahap pengkelasan kefahaman yang tinggi dan tiada seorang pun responden berada di tahap kefahaman yang rendah, malah hanya 5.2 peratus responden berada di tahap kefahaman sederhana rendah.

Jadual 6: Tahap kefahaman responden tentang larangan-larangan sepanjang tempoh ihdad

Tahap Kefahaman	Kekerapan	Peratus (%)
Rendah	0	0.0
Sederhana rendah	19	5.2
Sederhana tinggi	151	41.5
Tinggi	194	53.3
Jumlah	364	100

Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap larangan sepanjang tempoh ihdad adalah membanggakan kerana peratusan responden yang berada di tahap kefahaman yang tinggi jauh lebih besar daripada tahap kefahaman yang sederhana rendah.

Perbezaan antara Faktor Demografi dan Tahap Kefahaman Responden Tentang Ihdad

Bagi melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap kefahaman responden tentang ihdad (pembolehubah bersandar) dengan faktor demografi (pembolehubah bebas), ujian statistik inferensi iaitu ujian Khi Kuasa Dua dilakukan. Tahap pengujian yang digunakan untuk mengukur perhubungan antara pembolehubah-pembolehubah berkenaan adalah pada paras keertian 0.05 (95 peratus selang keyakinan). Ini bermakna nilai signifikan yang ditunjukkan adalah berada di bawah 0.05 (< 0.05).

Statistik dalam jadual 7 menunjukkan terdapat 6 bacaan di bawah tahap pengujian 0.05 (bertanda * dan **). Hampir kesemua setiap faktor demografi mempunyai hubungan signifikan dengan hanya salah satu bentuk kefahaman tentang ihdad. Dapatan turut melihatkan aliran pendidikan tidak mempengaruhi kesemua tahap kefahaman responden tentang ihdad. Malah ia hanya mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap kefahaman tentang tempoh ihdad sahaja.

Jadual 7: Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua

Faktor Demografi	Kefahaman Tentang Ihdad					
	Hukum		Tempoh		Larangan	
	χ^2	Sig.	χ^2	Sig.	χ^2	Sig.
Peringkat Umur	3.789	0.150	6.693	0.035*	20.327	0.000**
Status Perkahwinan	6.536	0.88	1.945	0.584	13.088	0.042*
Status Pekerjaan	4.535	0.104	4.032	0.133	23.760	0.000**
Taraf Pendidikan	11.049	0.011*	3.072	0.381	10.163	0.118
Aliran Pendidikan	0.317	0.574	4.236	0.040*	0.456	0.796

* Hubungan yang signifikan di bawah tahap pengujian (0.05).

** Hubungan yang signifikan pada paras pengujian (0.01).

Ini bermakna, tahap kefahaman responden tentang hukum dan larangan sepanjang tempoh ihdad tidak dipengaruhi oleh faktor aliran pendidikan. Walau apa pun bentuk aliran pendidikan sama ada agama atau bukan agama, tahap kefahaman mereka terhadap dua perkara ini berada pada kelompok yang sama.

Jadual 7 turut menunjukkan terdapat dua hubungan yang mencapai signifikan pada paras keertian 0.01 (bertanda **) yang menandakan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah amat tinggi. Berdasarkan keputusan ujian Khi Kuasa Dua di antara tahap kefahaman responden terhadap larangan sepanjang tempoh ihdad dengan peringkat umur responden seperti di dalam jadual 8 ($\chi^2 = 20.327$, $df = 4$, $p < 0.01$), didapati kumpulan responden yang lebih berumur iaitu golongan dewasa dan veteran mempunyai tahap kefahaman yang lebih tinggi daripada golongan muda.

Jadual 8: Taburan tahap kefahaman responden terhadap larangan-larangan dalam tempoh ihdad berdasarkan peringkat umur

Peringkat Umur	Tahap Kefahaman				Jumlah
	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Muda (21-30)	0 (0%)	15 (9.9%)	71 (47%)	65 (43%)	151 (100%)
Dewasa (31-50)	0 (0%)	4 (2.6%)	52 (34.4%)	95 (62.9%)	151 (100%)
Veteran (51 ke atas)	0 (0%)	0 (0.0%)	28 (45.2%)	34 (54.8%)	62 (100%)
Jumlah	0 (0%)	19 (5.2%)	151 (41.5%)	194(53.3%)	364 (100%)

Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua: nilai ujian Khi Kuasa Dua Pearson 20.327, $df = 4$, $p = 0.000 < 0.01$.

Jika dilihat pada kategori dewasa dan veteran, peratus tahap kefahaman tertinggi yang dicatat adalah berada dalam kelompok kefahaman yang tinggi iaitu 62.9 peratus bagi golongan dewasa dan 54.8 peratus bagi veteran, berbanding dengan golongan muda yang majoritinya berada pada kelompok tahap kefahaman yang sederhana tinggi (47 peratus). Apa yang lebih jelas, peratus golongan muda yang mempunyai tahap kefahaman sederhana rendah adalah lebih besar iaitu sebanyak 9.9 peratus, berbanding dengan 2.6 peratus dari golongan dewasa dan 0 peratus bagi veteran. Dari sini, dapat dirumuskan bahawa mereka yang lebih berumur mempunyai peratusan yang lebih besar dalam memahami larangan-larangan dalam tempoh ihdad. Dengan kata lain, kematangan seseorang boleh mempengaruhi tahap kefahaman tersebut.

Hasil ujian Khi Kuasa Dua di antara tahap kefahaman responden terhadap larangan sepanjang tempoh ihdad dengan status pekerjaan responden seperti

dalam jadual 9 ($\chi^2 = 23.760$, $df = 4$, $p < 0.01$) pula menunjukkan, golongan yang masih belajar kebanyakannya berkefahaman sederhana tinggi iaitu sebanyak 47.6 peratus, berbanding dengan yang berkefahaman tinggi iaitu 36.5 peratus dan 15.9 peratus yang berkefahaman sederhana rendah. Manakala bagi golongan bekerja dan tidak bekerja, peratus tahap kefahaman yang tertinggi dicatat pada kelompok tahap kefahaman tinggi. Namun peratus golongan tidak bekerja yang berkefahaman tinggi (61.8 peratus) lebih tinggi daripada peratus golongan bekerja yang berkefahaman sedemikian (52.7 peratus).

Jadual 9: Taburan tahap kefahaman responden terhadap larangan-larangan dalam tempoh ihdad berdasarkan status pekerjaan

Status Pekerjaan	Tahap Kefahaman				Jumlah
	Rendah	Sederhana Rendah	Sederhana Tinggi	Tinggi	
Masih Belajar	0 (0%)	10 (15.9%)	30 (47.6%)	23 (36.5%)	63 (100%)
Bekerja	0 (0%)	6 (3.6%)	72 (43.6%)	87 (52.7%)	165 (100%)
Tidak Bekerja	0 (0%)	3 (2.2%)	49 (36.0%)	84 (61.8%)	136 (100%)
Jumlah	0 (0%)	19 (5.2%)	151 (41.5%)	194 (53.3%)	364 (100%)

Keputusan Ujian Khi Kuasa Dua: nilai ujian Khi Kuasa Dua Pearson 23.760, $df = 4$, $p = 0.000 < 0.01$.

Ini menggambarkan mereka yang tidak bekerja lebih memahami larangan-larangan dalam tempoh ihdad berbanding dengan mereka yang bekerja dan masih belajar. Pada pengamatan penulis, ini adalah kerana golongan yang tidak bekerja mempunyai masa yang lebih banyak untuk mempelajari ilmu agama berbanding dengan mereka yang bekerja dan masih belajar kerana masing-masing mempunyai komitmen tersendiri. Statistik ini juga menunjukkan golongan yang masih belajar adalah lebih rendah tahap kefahamannya berbanding dengan golongan bekerja dan tidak bekerja. Dapatan ini pada asasnya mengukuhkan lagi dapatan sebelum ini tentang kefahaman golongan muda terhadap larangan dalam tempoh ihdad yang lebih rendah daripada golongan dewasa dan veteran kerana pada kebiasaannya golongan yang masih belajar adalah berada di dalam kelompok golongan muda jika dilihat dari sudut peringkat umur. Ini menjelaskan golongan remaja muslim pada zaman sekarang amat kurang mengambil berat di dalam hal agama termasuklah apa-apa yang berkaitan dengan persoalan ihdad.

Kesimpulan

Berdasarkan dapatan kajian, didapati walaupun majoriti responden telah memahami tentang hukum ihdad (54.9 peratus) dan tempohnya (53.6 peratus), namun peratus antara responden yang faham dengan yang tidak faham terhadap kedua-dua perkara ini masih agak serata. Ini menggambarkan masih terdapat ramai lagi responden yang tidak memahami hukum dan tempoh ihdad dengan sebaiknya. Perkara ini berbeza dengan kefahaman tentang larangan-larangan sepanjang tempoh ihdad kerana daripada enam larangan yang disenaraikan, tiga daripadanya telah difahami dengan baik di mana peratus mereka yang faham melepasi 75 peratus. Ini memperlihatkan pengetahuan dan kefahaman wanita muslim bandar Dungun terhadap ketetapan syara' dalam melarang wanita kematian suami melakukan perkara-perkara tertentu adalah tinggi, namun mereka masih keliru dengan hukum dan tempoh pengamalannya. Perkara ini perlu diambil perhatian kerana walaupun bentuk-bentuk larangan telah difahami, namun kurangnya kefahaman terhadap hukum dan tempoh ihdad boleh menjejaskan pelaksanaan suruhan tersebut.

Kajian turut membuktikan aliran pendidikan tidak mempengaruhi kesemua pembolehubah yang mengukur tahap kefahaman responden terhadap ihdad. Adapun bagi faktor demografi lain, ia serba sedikit memberi kesan terhadap tahap kefahaman mereka. Melalui observasi penulis, antara perkara lain yang mempengaruhi tahap kefahaman ini adalah penglibatan responden di dalam majlis-majlis ilmu dan kesedaran diri terhadap kepentingan ilmu agama. Justeru, dapatan ini diharap dapat memberi input kepada pelbagai pihak berkepentingan bagi meningkatkan tahap kefahaman masyarakat Islam amnya dan wanita muslim khususnya dalam isu ini demi merealisasikan salah satu hukum yang telah diperincikan dalam al-Quran dan Sunnah.

Rujukan

- Abu Daud, Sulaiman Ibn al-Ash'ath al-Sijistani, t.th., *Sunan Abi Daud*, jil. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Malik Kamal Ibn al-Sayyid Salim, 2000, *Fiqh al-Sunnah li al-Nisa' wa ma Yajib an Ta'rifah Kull Muslimah min Ahkam*, Kaherah: Maktabah al-Tawfiqiyah.
- Al-Asqalani, Abu al-Fadl Ahmad Ibn Ali Ibn Hajr, 2001, *Fath al-Bari fi Syarh Sahih al-Bukhari*, jil. 9, Kaherah: Maktabah Misr.
- Al-Ayid, Ahmad et al., 1989, *al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*, t.tp.: Larus.
- Al-Azhari, Salih Abd al-Sami' al-Abi, t.th., *Jawahir al-Iklil*, jil.1 Beirut: al-Maktabah al-Thaqafiyah.
- Al-Bugha, Mustafa et al., 1998, *al-Fiqh al-Manhaji Ala Madhahib al-Imam al-Syafi'i*, jil. 2, Beirut: Dar al-Syamiyyah.
- Bukhari, Abu Muhammad Abd Allah Ibn Isma'il, 1987, *al-Jami' al-Sahih al-Mukhtasar*, jil. 5, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Chua Yan Piaw, 2006, *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Che Noraini 2005, Persampelan, Kertas Kerja Bengkel Penyelidikan dan Aplikasi Kali ke-3, di Gem Beach Resort, Kuala Terengganu, 22-25 Februari 2005.
- Al-Dardir, Abu al-Barakat Ahmad Ibn Muhammad Ibn Ahmad, t.th., *al-Syarh al-Saghir ala Aqrab al-Masalih ila Madhhab al-Imam Malik*, jil. 3, t.tp.: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Hubla wa Syarikah.
- Al-Hajawi, Syarf ad-Din Abi al-Naja, t.th., *al-Rawd al-Murabba' Syarh Zad al-Mustaqni' – Mukhtasar al-Muqni' fi Fiqh Imam al-Sunnah Ahmad Ibn Hanbal al-Syaybani*, jil. 1, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Husayni, Taqy al-Din Abi Bakr Muhammad, t.th., *Kifayah al-Akhyar fi Hill Ghayah al-Ikhtisar*, jil. 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali Ibn Ahmad, t.th., *al-Muhalla*, jil. 10, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Hummam, Kamal al-Din Muhammad, t.th., *Syarh Fath al-Qadir Ala al-Hidayah*, jil. 4, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' al-Hafiz, 1998, *Tafsir al-Quran al-Azim*, jil. 1, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn al-Mundhir, Muhammad Ibn Ibrahim, 1402H, *Al-Ijma'*, Kaherah: Dar al-Dakwah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad, 1999, *al-Mughni Ibn Qudamah*, jil. 11, al-Mamlukah al-Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Alam al-Kutub.
- Ibrahim Anis et al., 1972, *al-Mu'jam al-Wasit*, jil. 1, t.tp.: t.tpt..

- Al-Jawziyyah, Muhammad Ibn Abi Bakr Ibn Qayyim, 1990, *A'lam al-Muwaqqi'in an Rabb al-Alamin*, jil. 3, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Kasani, Ala' al-Din Abi Bakr Ibn Su'ud, 2000, *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i'*, jil. 3, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Khatib, Muhammad al-Syirbini, t.th., *al-Iqna' fi Hill Alfaz Abi Syuja'*, jil. 2, Bangkok: Maktabah wa Matba'ah Muhammad al-Nuhda wa Awladah.
- Laman Web Adun Sura: Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu, 2007, <http://www.umno-terengganu.net.>, 26hb Mac 2007.
- Mahmud Abd al-Rahman Abd al-Mun'im, 1999, *Mu'jam al-Mustalahat wa al-Alfaz al-Fiqhiyyah*, jil. 1, Kaherah: Dar al-Fadilah.
- Majd Ahmad Maki, 2001, *Fatawa Mustafa al-Zarqa'*, Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Al-Malbariy, Zainuddin Abdul Aziz, 2008, *Fathul Mu'in*, Johor Bahru: Pernigaan Jahabersa.
- Malik Ibn Anas, 2002, *al-Muwatta'*, Beirut: Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan Ali Ibn Muhammad Ibn Habib, 1999, *al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, jil. 11, Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyyah.
- Muhammad Rawas Qal'ah Ji, 2001, *Mawsu'ah Fiqh Umar Ibn Abd al-Aziz*, Kuwait: Majlis al-Nasyr al-Alami.
- Al-Muslih, Khalid Ibn Abd Allah, 1995, *Ahkam al-Ihdad*, Riyad: Dar al-Watan.
- Muslim, Abu al-Husain Ibn al-Hujjaj, t.th., *Sahih Muslim*, jil. 2, Beirut: Dar Ihya' al-Turath.
- Al-Nasa'i, Ahmad Ibn Syu'aib Ibn Dinar, 1986, *al-Mujtaba min al-Sunan*, jil. 6, Beirut: Maktabah al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Ibn Syarf, 1992, *Rawdah al-Talibin*, jil. 6, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
-
- 2001, *Sahih al-Muslim bi Syarh al-Nawawi*, jil. 10, t.tp.: Dar al-Taqwa.
- Al-Qaradawi, Yusuf, 1998, *Fatawa al-Mu'asirah*, jil. 1, Kaherah: Dar al-Qalam.
- Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad Ibn Ahmad, 2002, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, jil. 3, Kaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali, 1999, *Rawa'i' al-Bayan Tafsir Ayat al-Ahkam min al-Quran*, jil. 1, Kaherah: Dar al-Sabuni.
- Al-Syafi'i, Muhammad Ibn Idris, 1973, *al-Umm*, jil. 5, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Sya'rawi, Muhammad Mutawalli, t.th., *Ahkam al-Zawaj wa al-Talaq wa al-Khulu'*, Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.

- Al-Syawkani, Muhammad Ibn Ali, 1996, *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar*, jil. 5, Damsyiq: Dar al-Khayr.
- Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim Ibn Ali Ibn Yusuf, 1999, *al-Muhadhdhab fi Fiqh al-Imam al-Syafi'i*, jil. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syirbini, Syams al-Din Muhammad Ibn Muhammad al-Khatib, 1994, *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj*, jil. 5, Beirut: Dar al-Kutub al-Alamiyyah.
- Yusuf Syukri Farahat, 2001, *Mu'jam al-Tullab*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Wazarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, 1983, *al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah*, jil. 2, Kuwait: Wazarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah.
- Zaydan, Abd al-Karim, 1993, *al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bayt al-Muslim fi al-Syariah al-Islamiyyah*, jil. 9, Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah, 1997, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, jil. 9, Damsyiq: Dar al-Fikr.

SYH NOORUL MADIHAH SYED HUSIN

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
Universiti Darul Iman Malaysia
Kampus KUSZA, Gong Badak
21300, Kuala Terengganu, MALAYSIA
Emel: madidah@udm.edu.my.